

Newspaper	Berita Harian
Date	19/09/2012

Siti Hasmah sedih kejadian buang bayi

BH - 19/09/2012

» Ibu bapa perlu
tanggungjawab
beri didikan
kepada anak-anak

Oleh Sarah Aina
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali sedih dengan kejadian bayi dicampakkan dari tingkat tiga sebuah pangapuri di Petaling Jaya, Ahad lalu.

Beliau berkata, ibu bapa perlu bertanggungjawab memberikan kesedaran, didikan dan penerapan agama kepada anak-anak bagi melahirkan persekitaran yang sihat dan sempurna kepada mereka.

"Rasa sedih, anak yang tidak berdosa, telah dicampakkan begitu saja. Kita ini bukan haiwan, bukan binatang yang tak sayangkan anak," katanya selepas melancarkan 'Program Kenali Anak Kita PETRONAS'

di sini semalam.

Turut hadir Pengurus Besar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Korporat Kumpulan PETRONAS, Datuk Mohammad Medan Abdullah.

Hargai anugerah

Dr Siti Hasmah ditanya mengenai mayat bayi perempuan yang masih bertali pusat ditemui di tempat letak kereta di Pangapuri Desa Mentari dipercayai dicampak dari tingkat tiga flet itu.

"Seharusnya manusia menghargai dan menjaga anugerah yang diberikan dengan sempurna, saya percaya gejala ini berlaku disebabkan masalah dalaman yang dialami remaja itu," katanya.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah yang juga penaung program 'Kenali Anak Kita

“

*Rasa sedih, anak
yang tidak berdosa,
telah dicampakkan
begitu saja”*

Dr Siti Hasmah Mohd Ali,
Penaung program 'Kenali
Anak Kita PETRONAS'

PETRONAS', berkata, peranan ibu bapa juga amat penting dalam mencegah penyalahgunaan dadah dalam kalangan golongan muda.

"Ibu bapa patut tahu peranan mereka dalam mencegah penyalahgunaan dadah dan dengan keadaan masa kini yang mana ibu bekerja, mereka perlu diberi panduan bagaimana menguruskan masa bagi membolehkan mereka bersama anak-anak.

"Saya masih merasakan bahawa anak-anak boleh dididik untuk mengelak daripada mengambil dadah jika mereka dididik ketika masih di usia muda sama ada di rumah atau sekolah," katanya.

Menerusi program itu, PETRONAS bersama Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) menganjurkan inisiatif bakti masyarakat yang dikenali sebagai Program Kenali Anak Kita PETRONAS dengan kerjasama Kementerian Pelajaran; Kementerian Kesihatan; Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru membanteras gejala sosial dalam kalangan remaja.